

## **PROSEDUR PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR BAGI WARGA ASING**

1. Setiap pemohon perlu mengisi borang permohonan secara *online* mengikut kategori permohonan melalui portal Sistem Sokongan Pas Lawatan Ikhtisas di <http://e-ikhtisas.islam.gov.my>
2. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan ialah :
  - a. Surat **perakuan** daripada penganjur
  - b. Salinan **pasport antarabangsa** yang **disahkan (termasuk halaman tarikh tamat pasport)**
  - c. Salinan **pas lawatan ikhtisas terkini** yang **disahkan** (bagi permohonan lanjutan)
  - d. Salinan **sijil kelulusan / pendidikan tertinggi** yang **disahkan**
  - e. Jadual waktu mengajar pemohon (menyatakan hari dan masa)
  - f. **Laporan prestasi tahunan perkhidmatan** pemohon daripada pihak institusi (bagi permohonan lanjutan)
  - g. Salinan rekod kehadiran tenaga pengajar dalam tempoh 6 bulan terakhir (bagi permohonan lanjutan)
  - h. Salinan sijil-sijil dan dokumen lain yang **disahkan** untuk menyokong permohonan (jika ada)
3. Borang yang telah diisi secara *online* hendaklah dihantar kepada penganjur secara *online* untuk mendapat pengesahan penganjur.
4. Borang permohonan yang **tidak lengkap** akan menyebabkan keputusan permohonan adalah **tidak disokong**.
5. Setiap pemohon dikehendaki menghadiri **sesi temu duga** untuk tapisan kelayakan yang diadakan oleh Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti di mana pemohon mengajar.

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN

### 1. Syarat –Syarat Bagi Tenaga Pengajar:

- a. Berumur **tidak lebih 60 tahun**.
- b. Mempunyai latar belakang pendidikan agama dan kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat Diploma dalam bidang pengajian Islam.
- c. Untuk jawatan Guru Tahfiz al-Quran, pemohon hendaklah mempunyai Sijil Tahfiz al-Quran dari Institusi Pengajian Tahfiz di dalam atau luar negeri.
- d. Mempunyai penganjur.
- e. Lulus temu duga yang telah ditetapkan oleh Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti di mana pemohon mengajar.
- f. Menunjukkan prestasi yang baik dalam perkhidmatan.
- g. Berpegang kepada Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- h. Tidak menyentuh apa-apa yang berhubung kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa-kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Negeri-negeri.
- i. Tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama.
- j. Tidak merendahkan perkara-perkara khilafiah yang terdapat di dalam mazhab empat.
- k. Tidak menyentuh fahaman mana-mana parti politik yang boleh menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam.
- l. Tidak menyentuh secara langsung peribadi orang perseorangan.
- m. Berakhlak **baik** dan tidak mempunyai sebarang **rekod jenayah** di Malaysia atau di Negara asal.
- n. Jadual waktu mengajar/berdakwah mestilah berbentuk harian dan sepenuh masa iaitu sekurang-kurangnya **lima (5) jam sehari** berada di premis tempat bertugas.

- o. **Pemohon hendaklah mendapatkan surat tauliah khusus daripada Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti yang dihadkan kepada tauliah mengajar di premis berkenaan dan bidang yang ditentukan sahaja.**
- p. **Tidak terlibat dengan aktiviti perniagaan dan pekerjaan lain** secara sepenuh masa atau sementara yang boleh menjejaskan perkhidmatan dan maksud hakiki permohonan pas lawatan ikhtisas.
- q. Patuh kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan syarat-syarat ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atau mana-mana jabatan, agensi dan pihak berkuasa yang lain di Malaysia.

## 2. Syarat-syarat bagi Institusi Pengajian

- a. Setiap institusi pengajian yang mengambil tenaga pengajar warganegara asing hendaklah **berdaftar** dengan Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri atau pihak berkuasa yang berkaitan.
- b. Setiap institusi pengajian agama hanya dibenarkan melantik tenaga pengajar warganegara asing sekiranya tiada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi jawatan tersebut.
- c. Setiap institusi pengajian agama perlu menetapkan jadual waktu mengajar yang berbentuk **harian** dan **sepuh masa**.
- d. Setiap institusi pengajian agama perlu mengemukakan **laporan prestasi** perkhidmatan setiap tenaga pengajar warganegara asing untuk sokongan permohonan lanjutan pas lawatan ikhtisas.

## 3. Tanggungjawab Penganjur

- a. Pihak **penganjur** hendaklah membuat pengesahan ke atas permohonan yang dikemukakan pemohon dan menghantarnya secara *online* kepada pihak berkuasa agama negeri di mana pemohon akan belajar, untuk ditemuduga

dan diberi syor sokongan. Borang permohonan ini hendaklah dihantar selewat-lewatnya **4 minggu** sebelum memulakan tugas.

- b. **Penganjur** bertanggungjawab sepenuhnya di atas perakuan **bertulis** atau **lisan** yang dibuat oleh pemohon.
- c. **Penganjur** bertanggungjawab memastikan segala syarat yang dikenakan dipatuhi dan bertanggungjawab atas apa-apa pelanggaran syarat oleh pemohon.
- d. **Penganjur** adalah bertanggungjawab atas apa-apa kos menganjur, mengurus dan apa-apa tanggungan kerugian yang timbul dari mana-mana pihak atau atas pelanggaran syarat.

#### 4. **Syarat dan Peraturan Bagi Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti**

- a. Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri / Jabatan Mufti hendaklah melampirkan ulasan terperinci bagi menyokong atau menolak mana-mana permohonan yang dikemukakan kepada JAKIM.
- b. Pihak JAIN/MAIN / Jabatan Mufti hendaklah mengeluarkan surat tauliah khusus kepada tenaga pengajar yang dihadkan kepada tauliah mengajar di premis berkenaan dan bidang yang ditentukan sahaja.
- c. **JAKIM berhak membuat cadangan penamatan pas lawatan ikhtisas tenaga pengajar kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya terdapat salah laku atau ketidakakuran kepada syarat-syarat yang ditetapkan.**